



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat
Siri 7/ 2024 (Bulan Julai 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Khutbah Khas Awal Muharram: Hijrah Teras Lonjakkan Dakwah	5 Julai 2024M/ 28 Zulhijjah 1445H
2.	Masa, Jangan Dipersia	12 Julai 2024M/ 6 Muharram 1446H
3.	Menangkis Dengki Membenam Dendam	19 Julai 2024M/ 13 Muharram 1446H
4.	Selamat Sebelum Kiamat	26 Julai 2024M/ 20 Muharram 1446H
Khutbah Kedua		

دببایاءى:



زكاة فولاو فینغ

دتریبنتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام فولاو فینغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Selamat Sebelum Kiamat

26 Julai 2024M/ 20 Muharram 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُعِزُّ مَنْ خَافَهُ وَاتَّقَاهُ وَ مُذِلُّ مَنْ خَالَفَ أَمْرَهُ وَعَصَاهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اضْطَفَاهُ وَاجْتَبَاهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ وَاهْتَدَى
بِهَدَاهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mimbar pada hari Jumaat ini menganjurkan kepada tuan-tuan supaya berusaha mendapatkan sifat takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, mudah-mudahan kita mendapat perlindungan Allah di alam barzakh dan dijauhkan dari api neraka. Itulah sebenar-benar kejayaan bagi seorang mukmin.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **Selamat Sebelum Kiamat.**

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Beriman kepada Hari Kiamat adalah salah satu rukun iman. Keimanan ini wajib disusuli dengan kesedaran dalam membuat persiapan



bekalan untuk menghadapinya. Sesungguhnya, situasi dan keadaan hari kiamat sangatlah dahsyat. Kedahsyatan itu digambarkan dalam banyak surah dan ayat-ayat Al-Quran. Antaranya sebagaimana disebut dalam surah al-Zalzalah yang bermaksud:

“Apabila bumi digoncangkan dengan gegaran (yang dahsyat), dan bumi telah mengeluarkan beban-beban berat (yang dikandungnya), dan manusia bertanya: mengapa bumi (menjadi begini)? Pada hari itu bumi menceritakan beritanya, kerana sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahkan (yang sedemikian itu) kepadanya. Pada hari itu manusia keluar dari kuburnya dalam keadaan bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka, barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasannya). Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan) pula.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Kita telah melihat kedahsyatan gempa bumi yang berlaku di Aceh pada tahun 2004 yang telah mencetuskan gelombang tsunami di kawasan sekitarnya, termasuklah negeri kita Pulau Pinang ini. Ia telah mengorbankan ratusan ribu nyawa manusia. Seluruh dunia menganggap peristiwa tersebut sebagai satu tragedi dan bencana yang amat dahsyat.

Namun, kedahsyatan goncangan dan gempa bumi ketika berlakunya Hari Kiamat nanti akan lebih hebat lagi. Ia bukan berlaku kepada kawasan dan negara tertentu sahaja, bahkan ia berlaku kepada bumi keseluruhannya, sehinggakan segala bangunan runtuh, bukit-bukau dan gunung-ganang akan hancur musnah. Segala yang tertanam daripada mayat manusia akan terhambur keluar. Bayangkanlah,



bagaimana keadaan diri kita pada waktu tersebut. Gambaran betapa dahsyatnya Hari Kiamat ada disebut dalam surah 'Abasa, ayat 33 hingga ayat 42:

...فَإِذَا جَاءَتِ الصَّاخَّةُ ﴿٣٣﴾ يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾ وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَاحِبَتِهِ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾ لِكُلِّ أَمْرٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾ وَجُوهُ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾ ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾ وَوُجُوهُ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْكٰفِرَةُ الْفَجْرَةُ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Dan apabila datang suara yang memekakkan (tiupan sangkakala yang kedua), pada hari ketika manusia lari dari saudaranya, dari ibu dan bapanya, dari isteri dan anak-anaknya. **Kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu, ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya saja.** Setiap orang dari mereka pada hari itu berseri-seri, tertawa dan bergembira ria, dan banyak (pula) muka pada hari itu tertutup debu, dan ditutup lagi oleh kegelapan. Mereka itulah orang-orang kafir lagi derhaka.”

Dalam ayat-ayat ini, Allah **سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى** menggambarkan kepada kita, bahawa pada hari berlakunya Kiamat, ketika mana tiupan sangkakala pertama berlaku, maka manusia akan lari meninggalkan segala-galanya, tanpa mempedulikan orang lain termasuk anak dan isteri sendiri.

Allah **سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى** memberitahu kita, bahawa ada golongan yang cemas, takut dan gentar hatinya dengan pembalasan pada Hari Kiamat dan ada pula yang wajahnya berseri-seri, gembira dan yakin dengan janji Allah.



Jika kita sedar dan ingat akan peristiwa dahsyat yang bakal kita tempuh ini, maka apakah kita masih mahu melakukan maksiat? Apakah kita masih mahu bergaduh sesama insan? Apakah kita masih mahu diulit kemalasan dalam menunaikan kewajipan? Apakah kita masih ego dan sombong sebagai hamba Allah yang menumpang sebentar cuma di bumi Allah ini?

Ayuh tuan-tuan, kita siapkan bekalan supaya tidak menyesal di kemudian hari.

SIDANG MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Persoalannya di sini, bagaimanakah kita mahu tergolong di dalam kelompok selamat dengan wajah yang berseri-seri dan gembira tatkala berlakunya hari kiamat kelak?

Berikut disarankan beberapa persiapan sebagai persediaan menghadapi hari kiamat:

Pertama: Kita hendaklah sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan bekalan untuk hari akhirat.

Kedua: Kita hendaklah meningkatkan usaha tadabbur pada ayat-ayat al-Quran mengenai Hari Kiamat dan menjiwainya sehingga mampu menimbulkan perasaan gementar dan insaf.

Ketiga: Kita hendaklah sentiasa berdoa dengan doa khusus untuk selamat dari azab pada Hari Kiamat. Daripada 'Aishah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا** mengatakan, Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** dalam solatnya pernah membaca doa untuk melindungi dari pelbagai fitnah dunia dan akhirat.



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا
وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari seksa neraka Jahannam, dari seksa kubur, dari fitnah kehidupan dan kematian, serta dari kejahatan fitnah Al-Masihi Ad-Dajjal (المسيح الدجال).”

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

Begitu juga doa yang sering kita baca iaitu:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan lindungilah kami dari azab neraka.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar ingin merumuskan beberapan kesimpulan utama.

Pertama: Berusahalah untuk berjaya di dunia dan jangan lupa siapkan bekalan untuk kebahagiaan di akhirat.

Kedua: Tadabburlah ayat-ayat mengenai Kiamat supaya jiwa tersemat dengan segala mesej Allah mengenainya.

Ketiga: Peliharalah hubungan baik sesama manusia kerana ia bakal menyelamatkan kita di hari akhirat kelak.



...وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٧٧﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu membawa bekal secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”

﴿Surah al-Baqarah ayat 197﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Julai

2024M/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،
اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah!

Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;

Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang.

Ya Allah!

Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥٢﴾

